

Cityscape sudah bersedia mengorak langkah pertama di Malaysia

DUBAI: Cityscape sedang bersiap sedia untuk hadir di Malaysia sebagai satu acara profil tinggi bagi industri harta tanah.

Pemaju harta tanah, pelabur persendirian dan institusi, arkitek, perunding, penyedia penyelesaian harta tanah, agensi bandaraya dan serantau akan berkumpul di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur yang akan menjadi lokasi Cityscape dari 4 hingga 6 Februari 2015.

Acara pelaburan dan pembangunan harta tanah yang terkenal antarabangsa ini dianjurkan untuk merapatkan jurang dengan pemegang kepentingan dan memudahkan jaringan perniagaan dalam pameran dan persidangan harta tanah terulung yang pernah diadakan di Malaysia. Cityscape dijangka dapat menjana jualan harta tanah bernilai RM15.5 juta.

IQI, yang menyertai Cityscape sebagai penaja Perak, akan mengukuhkan kehadirannya dalam pasaran perundingan harta tanah, khususnya pelaburan harta tanah, pelaburan modal teroka, penilaian projek dan pemasaran dan jualan harta tanah antarabangsa.

Ditubuhkan pada 2011, IQI telah berkembang pesat ke seluruh dunia dan mencatat jualan harta tanah antarabangsa sebanyak A\$330 juta, disokong oleh hubungan dengan para pelabur institusi dan lebih 600 kakitangan jualan global.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IQI Kashif Ansari berkata, "Cityscape terkenal kerana keupayaannya menarik campuran pelabur institusi, pelabur persendirian, dan

pembeli rumah antarabangsa dan serantau. Kami berharap untuk meningkatkan hubungan dan capaian perniagaan kami di Cityscape."

Cityscape Malaysia sudah bersedia untuk mempamerkan projek pembangunan harta tanah utama dan melancarkan projek harta tanah tempatan dan luar negara.

Selain pameran projek besar oleh peserta seperti Angsana Teluk Bahang, Aseana Properties, BRDB Developments, Eco-World Development Group, Emirates Land Real Estate, GRE Assets, Glenmarie Properties, Iskandar Malaysia, Ireka Corporation, Island LandCap Properties Group, Low Yat Group, SP Setia, See Hoy Chan, Tian Hong Holdings, dan UEM Sunrise; sebilangan peserta akan melancarkan projek masing-masing di Cityscape dan memperlihatkan buat pertama kalinya rancangan tindakan pembangunan mereka.

Pelancaran projek harta tanah yang dijadualkan sempena dengan Cityscape Malaysia termasuk harta tanah tepi pantai seperti Brighton Marina, Angsana Teluk Bahang dan Oceanus.

GRE Assets akan melancarkan pembangunan semula Brighton Marina Marinterbesardi Eropah itu dianggap sebagai salah satu pembangunan transformasi paling menarik dalam sejarah bandar raya pantai selatan.

Senja Amanakan melancarkan Angsana Teluk Bahang, pembangunan unit kediaman mewah tepi pantai dengan dua

bilik tidur di Pulau Pinang, yang akan dibuka untuk jualan di Cityscape Malaysia. Ini adalah pembangunan resort tepi pantai pertama di Malaysia yang akan diuruskan oleh pemenang anugerah Banyan Tree Hotels & Resorts dan dikatakan akan menjadi tanda aras bagi sektor pelancongan dan harta tanah Malaysia. Island LandCap Properties Group akan menggunakan Cityscape Malaysia sebagai landasan untuk melancarkan vila mewah Oceanus yang terletak di tepi pantai Batu Ferringhi, Pulau Pinang.

Dilihamkan oleh warisan penjajahan pulau ini, Oceanus disifatkan sebagai mahakarya seni bina Victoria. Setiap vila menawarkan ruang bina seluas lebih 9,000 kaki persegi. Island LandCap sedang mengaturkan program mesyuarat pelabur di Cityscape Malaysia untuk pembangunan ini.

Pengunjung Cityscape Malaysia akan juga dapat melihat hasil kerja seni bina oleh firma seni reka antarabangsa yang memenangi anugerah seperti SPARK Architects dan VERITAS Design Group.

SPARK Architects akan memperlihatkan projek Nusmetro's Arte Black yang terkini. Projek SPARK Architects di Asia, Eropah, Timur Tengah, Afrika, India, dan Australia terkenal kerana rekaan yang tersendiri, berani dan dikagumi.

Portfolio projek Spark Architects yang menjadi mercu tanda di Asia termasuk Fai-Fah Prachautis di Bangkok yang

memenangi 'Anugerah Ikonik' bagi kategori Seni Bina Runcit dan Starhill Gallery di Kuala Lumpur yang memenangi 'Anugerah Ikonik' bagi kategori Seni Bina Awam daripada Majlis Reka Bentuk Jerman.

Pemain peranan penting dalam pasaran harta tanah yang menyertai Cityscape Malaysia termasuk SR Design Inc yang akan mempamerkan rekaan seni bina mereka yang menarik dan teknologi rekaan ilustrasi 3D dari Jepun, dan Forefront International yang akan memperlihatkan teknologi visualisasi dan animasi Multi-Flip 3D yang menanti paten.

Pengarah Kumpulan Informa Exhibitions dan penganjur Cityscape Deep Marwaha berkata, "Acara global Cityscape mempunyai rekod kejayaan yang terbukti dalam meningkatkan pasaran harta tanah, menjana urusniaga harta tanah bernilai berjuta-juta dan sebagai wadah untuk menilai peluang pelaburan yang unik dan menguntungkan. Kami akan mencontohi kejayaan ini dan bersedia untuk membuka satu lagi edisi Cityscape yang berjaya di Malaysia."

Islamic Property Finance Forum, yang akan dianjurkan buat pertama kali di Malaysia, dan Malaysia Real Estate Summit (MRES) telah mengesahkan kehadiran peserta dari lebih 150 syarikat awam dan swasta, dan MNC global.

Forum Kewangan Hartanah Islam akan diadakan pada 6 Februari 2015 manakala Sidang Kemuncak Hartanah Malaysia (MRES) bakal berlangsung dari 4 hingga 5 Februari 2015. Acara membina jaringan lain di Cityscape Malaysia yang telah menarik perhatian pemain industri termasuk persidangan eksklusif Meja Bulat Pelabur.

Cityscape Malaysia disokong oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, MyCEB, dan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Acara ini akan dibuka dengan lebih 40 syarikat perniagaan yang turut serta dan dijangka menarik lebih 5,000 perwakilan. Maklumat lanjut boleh didapati di www.cityscapemalaysia.com.